

Headline	Usaha basmi orang tengah		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	01 Aug 2017	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	39	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	325 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,277
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,830



Usaha basmi orang tengah

Fama buka Pasar Tani Masjid, tawar pelbagai barangan keperluan dengan harga lebih murah

MUADZAM SHAH - Dalam usaha menawarkan harga barangan keperluan lebih murah selain membasmu orang tengah, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Rompin mewujudkan Pasar Tani Masjid.

Beroperasi di kawasan parkir Masjid Al-Muadzam Shah, di sini, pasar itu merupakan yang pertama di daerah Rompin dan kedua di Pahang selepas Masjid Sungai Isap.

Pegawai Fama Rompin, Khairul Mohd Yonan berkata, ia merupakan pasar tani ketiga di daerah itu melibatkan 25 peserta dan 38 lot yang beroperasi setiap hari Isnin bermula jam 7 pagi hingga 12 tengah hari.

Menurutnya, promosi mengenai operasi pasar tani masjid itu akan digiatkan agar masyarakat sekitar Bandar Muadzam Shah dapat membeli barang keperluan dengan harga berpatutan.

"Pasar tani ini menawarkan barang basah hingga kering bagi memenuhi permintaan penduduk dengan harga 5 hingga 20 peratus lebih murah.

"Sambutan setakat ini agak memuaskan, disebabkan hari pertama masih ramai tidak tahu...jadi kita harap minggu seterusnya akan lebih baik," katanya, semalam.

Beliau berkata, tapak itu dipersetujui setelah berbincang dengan pihak masjid dan setiap peniaga akan menyumbang RM2 sebagai timbal balik.

Dalam pada itu, seorang peniaga, Zaharah Alias, 58, mengakui pembukaan pasar

tani masjid amat baik selain menambah peluang untuk beliau berniaga.

"Saya mula berniaga sayur-sayuran di Pasar Tani Muadzam Shah ketika ia mula beroperasi pada 1993 dan konsep di masjid ini juga sangat baik.

"Sambutan hari ini agak baik, di mana-mana pun pada hari pertama akan begini, insya-ALLAH minggu depan akan lebih ramai," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk, Sapiah Mat Ali, 70, mengakui baru mengetahui pasar tani itu mula beroperasi ketika ke masjid untuk aktiviti mengaji pagi semalam.

"Saya tak tahu sebab baru balik ke sini, nak pergi mengaji pagi tadi (semalam) tengok ada pasar tani, boleh la beli terus, tak payah dah nak pergi jauh," katanya.

INFO ● Beroperasi setiap hari Isnin bermula jam 7 pagi hingga 12 tengah hari



Suasana pasar tani di kawasan parkir Masjid Al-Muadzam Shah yang melibatkan 38 lot niaga.

Headline	Usaha basmi orang tengah		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	01 Aug 2017	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	39	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	325 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,277
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,830



ZAHARAH



SAPIAH